

03 SEP 1997

Mahathir-Dana

PERDANA MENTERI UMUM DANA RM60 BILION UNTUK SOKONG BSKL

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan penubuhan sebuah dana berjumlah RM60 bilion untuk menyokong naik Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Katanya wang itu akan digunakan untuk membeli saham di pasaran saham daripada rakyat Malaysia pada satu harga premium kepada harga pasaran.

Saham yang dipegang pelabur asing bagaimanapun akan dibeli mengikut harga pasaran, katanya kepada para perwakilan yang akan menghadiri perhimpunan agung UMNO di sini mulai esok.

Tabungan untuk dana itu akan disumbangkan oleh Khazanah Nasional Bhd yang akan mengumpul RM30 bilion melalui terbitan bon manakala RM30 bilion lagi akan dikumpulkan oleh agensi-agensi lain, katanya pada persidangan berita kemudian.

Ditanya sama ada RM60 bilion mencukupi, Perdana Menteri berkata jika wang itu tidak cukup, lebih banyak akan dikumpulkan.

Dr Mahathir berkata kerajaan mengambil langkah itu untuk membantu pelabur yang menghadapi masalah akibat kejatuhan mendadak harga saham berpunca daripada manipulasi berterusan dalam pasaran saham dan pasaran mata wang oleh orang asing.

Katanya sesetengah masalah yang dihadapi pelabur adalah berkaitan panggilan margin di mana nilai saham mungkin telah jatuh di bawah nilai yang disandarkan kepada bank sebagai cagaran untuk mendapatkan pinjaman.

Sebagai satu perbandingan, bila harga naik, nilai saham mungkin berada lebih 80 peratus di atas nilai yang disandarkan kepada bank.

Tetapi bila harga mulai jatuh, para pelabur akan menghadapi tekanan daripada bank untuk memenuhi perbezaan dalam nilai yang jatuh itu berbanding dengan nilai saham yang disandarkan.

Mengenai premium itu, beliau berkata ianya perlu diputuskan ... "walaupun dengan premium itu, ia masih berdaya untung untuk membeli saham kerana nisbah perolehan harga adalah baik".

Mengenai bagaimana pasaran akan bertindak balas, beliau berkata: "Kita akan lihat bagaimana ia bertindak balas, saya tidak tahu kerana pasaran itu agak aneh, bila syarikat berprestasi sebegitu baik, sahamnya boleh jatuh, mereka tidak berpandukan kepada fundamental ... ini adalah satu perjudian."

Dr Mahathir berkata Malaysia tidak bergantung kepada pihak asing untuk mengumpulkan wang itu, "kita akan kumpulkan wang itu secara dalaman dan kita akan mengatasi masalah itu dengan cara kita sendiri".

Perdana Menteri juga berkata banyak khabar angin sedang disebarkan termasuk mengenai timbalannya dan menteri kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengemukakan surat peletakan jawatan atau seorang tokoh bank ditahan kerana terbabit dalam kegiatan jualan pendek.

Semua itu adalah tidak benar, "semua khabar angin itu adalah bersifat hasad dengki", katanya. -- BERNAMA

AZZ SJA SIA AHH